

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato Haji Abdul Rahman Bin
Mohamad [Lipis]

SOALAN : Dato Haji Abdul Rahman Bin
Mohamad [Lipis] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan :-

- (a) perancangan dan kajian yang telah dilakukan Kementerian dalam meningkatkan industri pertanian khususnya tanaman jenis buah-buahan dalam Parlimen Lipis; dan
- (b) jenis-jenis pertanian yang sesuai dilakukan dan bantuan yang telah diperuntukkan kepada pengusaha tanaman dalam Parlimen Lipis.

JAWAPAN

160

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengambil maklum bahawa daerah Kuala Lipis merupakan kawasan yang berpotensi tinggi untuk dimajukan dengan aktiviti pertanian berdasarkan keadaan kesesuaian tanah, topografi kawasan dan agroiklim persekitaran.

- a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan industri buah-buahan melalui pendekatan seperti berikut :
 - i) Pelaksanaan projek secara bersepadu dan fokus kepada '*people centric*';
 - ii) Pemindahan teknologi secara pakej; dan
 - iii) Membangunkan kawasan kluster pengeluaran mengikut komoditi terpilih.

Bagi kawasan Parlimen Lipis, sehingga kini, Jabatan Pertanian telah membangunkan dua Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluas 320 hektar yang diusahakan dengan tanaman nangka iaitu TKPM Jelai dan TKPM Sungai Atong dengan penglibatan seramai 31 orang peserta. Sehingga Jun 2017, sebanyak 213.24

tan buah telah dihasilkan dengan nilai pengeluaran adalah RM381.79 ribu. Di samping itu, Jabatan Pertanian juga telah membangunkan dua kluster buah-buahan iaitu kluster durian dan pisang mulai tahun 2016 dengan keluasan 470 hektar yang melibatkan 231 orang petani.

- b) Berdasarkan kesesuaian tanah yang dijalankan di Kuala Lipis, aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan oleh pengusaha adalah penanaman buah-buahan jangka masa panjang seperti durian, nangka dan cempedak serta sayur-sayuran.

Pada tahun 2016, sebanyak 13 projek telah dijalankan di Kuala Lipis melibatkan keluasan 569.06 hektar dan 659 orang petani serta peruntukan sebanyak RM909,429.

Pada tahun 2017, sebanyak 11 projek akan dijalankan melibatkan keluasan 124.8 hektar dan 273 orang petani serta peruntukan sebanyak RM766,803.